

25 MAR 2003

Isa-Padi

JABATAN PERTANIAN NS PERKENAL BENIH PADI HUMA YANG LEBIH PRODUKTIF

SEREMBAN, 25 Mac (Bernama) -- Jabatan Pertanian Negeri Sembilan sedang memperkenalkan satu benih padi huma yang dipercayai dapat meningkatkan pengeluaran, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata benih padi huma itu telah ditanam di kawasan seluas 40 hektar di daerah Jempol dan terbukti pengeluarannya hampir mencapai lapan tan metrik sehektar.

"Pengeluaran itu meningkat kira-kira dua kali ganda berbanding pengeluaran biasa dan berdasarkan kajian jabatan itu juga, benih padi huma ini sesuai sekali ditanam di sawah yang kering dan tidak banyak air," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) di sini, hari ini.

Jabatan Pertanian kini giat menjalankan kajian terperinci mengenai benih itu untuk mengetahui apa masalah dan penyakit yang boleh menjejaskan benih itu, katanya.

Benih itu akan diperluaskan ke seluruh negeri dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi di negara ini. Benih padi biasa yang ditanam pada masa ini hanya mampu mengeluarkan hasil kira-kira 3.5 tan metrik sehektar.

Tahun lepas, pengeluaran padi negeri ini yang melibatkan kawasan seluas 1,226 hektar berjaya menghasilkan 5,387.60 tan metrik padi bernilai RM5.2 juta, katanya.

Mohd Isa berkata, Jabatan Pertanian negeri juga sedang memulihkan tanah sawah terbiar di seluruh negeri dengan pelbagai tanaman, terutamanya padi.

Setakat ini, lebih 90 peratus tanah sawah terbiar di seluruh daerah di negeri ini dapat dipulihkan dengan pelbagai tanaman.

Ditanya mengenai kesepakatan pemimpin Barisan Nasional (BN) dan pembangkang dalam mengecam pencerobohan tentera bersekutu yang diketuai Amerika Syarikat terhadap Iraq seperti usul yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam, Mohd Isa berkata, ia membuktikan pemimpin BN dan pembangkang dapat bersatu hati dan menyokong tindakan yang dapat menjaga kepentingan dan keamanan sejagat.

"Ini memperlihatkan kematangan semua pemimpin BN dan pembangkang yang bersatu hati dan bersetuju dengan usul Perdana Menteri mengecam tindakan ketenteraan terhadap Iraq, mendahulukan soal kepentingan bersama daripada kepentingan kepartian," katanya.

-- BERNAMA

APG PR